

EDISI 2023

Buletin FKA

Pengajian Kejuruteraan Awam

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

eISSN 2716-6325



9 772716 632004

Diterbitkan pada 15 Oktober 2024

LAWATAN AKADEMIK PELAJAR CEEC221 KE TAMAN REKREASI GUNUNG LANG & MUZIUM GEOLOGI PERAK

Siti Fatimah Sadikon, Shahreena Melati Rashbudin Shah & Khairul Afinawati Hashim

Pada 13 Januari 2023, seramai 33 orang pelajar Program CEEC221, Pengajian Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Pulau Pinang telah melakukan lawatan akademik ke Taman Rekreasi Gunung Lang dan Muzium Geologi Perak dengan diiringi oleh 3 orang pensyarah dan seorang penolong jurutera. Lawatan ini adalah sebahagian dari silibus bagi kursus Kejuruteraan Geologi (CEG451). Lawatan sehari itu dimulakan dengan melawat Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh, Perak. Kawasan Taman Rekreasi Gunung Lang terdiri daripada bukit dan tasik yang dipenuhi dengan batuan jenis Batu Kapur. Tempat ini adalah bekas lombong bijih timah, yang aktif pada awal abad ke 20 dan telah ditutup sepenuhnya. Kini ia telah dipulihara oleh kerajaan Negeri Perak menjadi taman warisan geologi sebagai pusat pelancongan domestik.

Sepanjang berada di sini, para pelajar telah memerhatikan jenis-jenis batuan dan fitur geologi pada batu kapur seperti kars dan dolina. Mereka juga dapat membaca sejarah batuan yang disediakan di papan informasi serta melakukan beberapa ujikaji mudah seperti ujian Rebound Hammer bagi menguji kekuatan batu dan ujian "Dip and Strike" bagi memperoleh bacaan jurus dan kemiringan batuan.

Pada sebelah petang, lawatan diteruskan ke Muzium Geologi Perak. Lawatan kami telah disambut oleh Cik Zamila, sebagai wakil pihak muzium. Beliau telah membawa kami menyelongkar khazanah yang ada di dalam muzium ini. Pelbagai jenis batuan, mineral dan alat melombong bijih timah dipamerkan di sini. Peluang ini diambil sepenuhnya oleh para pelajar untuk melihat dengan lebih dekat pelbagai jenis batuan dan mineral yang wujud di dunia seterusnya memantapkan lagi kefahaman mereka tentang tajuk-tajuk dalam silibus Kejuruteraan Geologi termasuklah maklumat tentang air bawah tanah. Dengan itu, secara keseluruhannya program ini telah berjaya mencapai matlamatnya.



33 orang pelajar CEEC221 yang menyertai lawatan ke Taman Rekreasi Gunung Lang dan Muzium Geologi Perak



Bergambar di hadapan Muzium Geologi Perak